



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**EXAMINATION
FOR
THE CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE
2024 JULY EXAMINATION**

CRIMINAL PROCEDURE

Friday, 2 August 2024

Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.

Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.

-
- * **THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) PARTS, 'A' AND 'B'.**
 - * **YOU ARE REQUIRED TO ANSWER QUESTION 1 (ONE) IN PART 'A' WHICH IS COMPULSORY.**
 - * **YOU ARE ALSO REQUIRED TO ANSWER THREE (3) QUESTIONS OUT OF SIX (6) QUESTIONS IN PART 'B'.**
 - * **GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
 - * **RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
-

REMINDER:

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Examination for the Certificate in Legal Practice, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer questions **either** in the English or national language.

(This question paper has 7 questions printed on 10 pages)

PART A: COMPULSORY QUESTION**1. Candidates MUST answer this question**

On 26.11.2023 at about 1.00 a.m., the Complainant was sleeping when he was awakened by a sound like someone opening the sliding door of his house. The Complainant, however, ignored the sound and went back to sleep. Shortly later, he was awakened again and saw an unknown man near his feet. The Complainant suspected that the man (the Suspect) entered his house through the sliding door. In a spontaneous action, the Complainant kicked the Suspect causing him to fall, which enabled the Complainant to grab hold of the Suspect and subdued him. The Suspect was locked in the Complainant's room under lock and key. The Complainant called the police, and soon after, the police arrived at the Complainant's house. The Suspect was taken by Sergeant Akbar to the police station. Meanwhile, the Complainant lodged a police report of the incident. Sergeant Faris, the Investigating Officer (IO), was instructed to conduct an investigation on the Suspect for an offence under section 457 of the Penal Code (PC).

According to the investigation diary, immediately after the Suspect was handed over to the IO, the IO commenced preliminary interrogation of the Suspect under section 457 of the PC. It was observed at that time that the Suspect could not answer the IO's questions. At about 3.30 a.m., the Suspect was taken to the hospital for treatment. At 4.00 a.m., the Suspect was detained at the hospital for further treatment.

At about 9.00 a.m., for the purpose of an application under section 117 of the Criminal Procedure Code (CPC), a Magistrate was brought by the police to the bedside of the Suspect who was unconscious after being sedated. The state of the Suspect was confirmed by one Dr. Siti. At the proceeding by the hospital bedside of the Suspect, the Magistrate recorded that an application for remand was made by the IO with Dr. Siti in attendance while the Suspect was unconscious. The Magistrate refused the application for remand of the Suspect.

Based on the above:

- (a) **Explain the arrest of the Suspect by the Complainant and Sergeant Akbar.**

(7 marks)

- (b) **Explain the procedure for investigating the Suspect for the alleged offence.**

(5 marks)

- (c) **Critically examine the refusal of the Magistrate to allow for the remand of the Suspect.**

(8 marks)

- (d) **Discuss the action(s) the police might take after the Magistrate refused the application for remand of the Suspect on 26.11.2023 at 9.00 a.m.**

(5 marks)

PART B: ANSWER ANY THREE (3) QUESTIONS

2. Answer ALL parts of this question

Chief Inspector Hassan (CI Hassan) was on duty when he received a call from a civilian giving him information about *ganja* trafficking activity that would be carried out by two males. After a brief meeting between CI Hassan and the informer, Constable Azizie was instructed by CI Hassan to act as an undercover agent for the purchase of *ganja*. On the appointed day, Constable Azizie was introduced to Bob and Beb in front of a shop by the informer. The informer then left the scene. Constable Azizie then negotiated to buy “3 kilos of the *daun*”. Constable Azizie showed the money he had to Bob, who then spoke to Beb. Bob then stood up and left the restaurant while Constable Azizie and Beb waited for

Bob to return. After about 5 to 10 minutes, Bob was seen carrying with his right hand a plastic bag that was white in colour. Constable Azizie then gave his signal for CI Hassan to appear with the other police personnel. CI Hassan identified himself. Bob was arrested still with the plastic bag in his hand. Beb, who had attempted to run, was arrested by another member of the team who accompanied CI Hassan. Beb was brought to the spot where CI Hassan had already arrested Bob. After administering the caution under section 37B of the Dangerous Drugs Act 1952, CI Hassan took the bag that was being held by Bob.

Bob and Beb were jointly charged with trafficking of *ganja* under section 39B of the Dangerous Drugs Act 1952. The prosecution case rested on the evidence of CI Hassan and Constable Azizie. At the end of the prosecution case, the defence counsels vehemently argued that CI Hassan received information from someone which he did not reduce into writing. CI Hassan had testified: “*Saya tidak pasti laporan maklumat perlu untuk membuat siasatan. Lazimnya tidak.*”. The defence counsels also argued that the bag containing the *ganja* was not found in a place but on a person, and the search of Bob and Beb did not result in any other item being found. The defence counsels argued that the failure of the prosecution to adduce in evidence a search list was fatal to the case for the prosecution.

Based on the above:

- (a) **Identify whether the information received by CI Hassan from the civilian is information under section 107 of the Criminal Procedure Code (CPC).**

(3 marks)

- (b) **Distinguish between “information” and “complaint” under the CPC.**

(5 marks)

- (c) **Discuss whether the failure to reduce into writing the information received by CI Hassan from the civilian is a serious omission affecting the investigation of the *ganja* trafficking activity.**

(5 marks)

- (d) **Explain the power of police to seize the bag containing the *ganja* and examine whether the failure of the prosecution to adduce in evidence a search list is fatal to the case for the prosecution.**

(12 marks)

3. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) “Article 145(3) of the FC provides the AG/PP with a wide discretion to institute, conduct or discontinue any proceeding for a criminal offence. This wide discretion means the AG/PP has sole and exclusive discretion in that only he/she can exercise such power. However, the AG/PP does not have absolute or unfettered discretion under art 145(3).”

- *Sundra Rajoo a/l Nadarajah v Menteri Luar Negeri, Malaysia & Ors*
[2021] 5 MLJ 209, 247 per Tengku Maimun CJ.

Explain what the word “discretion” in the above quotation refers to and justify that the Attorney General (AG)/Public Prosecutor (PP) does not have absolute or unfettered discretion with reference to relevant cases.

(13 marks)

- (b) **The role of prosecutors in criminal proceedings excludes any notion of winning or losing; his function is a matter of public duty. Explain.**

(12 marks)

4. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) On 15 November 2018, Mawar was charged in the Sessions Court at Kuala Lumpur with corruption offences (Mawar Cases) under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (MACCA). On the same day, Kumbang was charged in a different Sessions Court at Kuala Lumpur for corruption offences (Kumbang Cases) under the MACCA. On 9 January 2019, the Kumbang Cases were transferred to the High Court at Kuala Lumpur for trial upon an application by Kumbang, which were thereafter assigned to High Court 2. On 18 February 2019, the prosecution orally informed the learned Judge of High Court 2 of its intention to apply for a joint trial of the Mawar Cases and Kumbang Cases. The Mawar Cases were then awaiting application for transfer to the High Court. On 15 March 2019, the Mawar Cases were ordered to be transferred from the Sessions Court to the High Court at Kuala Lumpur for trial upon an application by the prosecution under section 417(1)(e) and (1)(cc) of the Criminal Procedure Code (CPC). Thereafter, the Mawar Cases were assigned to High Court 1. The prosecution applied to the learned Judge of High Court 1 for the Mawar Cases to be transferred to High Court 2 as intimated to the learned Judge of High Court 2 on 18 February 2019. The defence counsel in the Mawar Cases objected to the application, arguing that the Courts of Judicature Act 1964 (CJA) does not give the jurisdiction or power for the High Court to make a unilateral transfer to another High Court and that the CJA is silent on this. The learned defence counsel argued that the power to transfer a case from one High Court to another only resides with the Chief Judge of Malaya (CJM) under the CJA.

Based on the above:

- (i) **How would you decide as the learned Judge of High Court 1?**

(10 marks)

- (ii) **Could Mawar be the applicant for the transfer of her cases to the High Court, and if yes, how would she proceed to file for the application?**

(5 marks)

- (b) **Distinguish between pre-trial conference and case management.**

(10 marks)

5. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) Bad was charged before the Magistrates' Court at Telok Intan for the theft of 22 rolls of vinyl carpets on 17 September 2023. When the charge was read, Bad pleaded not guilty and claimed trial. At the end of the prosecution case, the Deputy Public Prosecutor applies to the Court for an amendment to the charge stating 27 rolls of vinyl carpets instead of 22 rolls as appeared in the original charge. Bad's counsel objected to the application stating the Court had no powers to amend the charge at the end of the prosecution case. After hearing arguments from both parties, the Magistrate adjourned the case to another date to make a ruling on the application for amendment.

Advise the Magistrate whether he should allow the application to amend the charge.

(12 marks)

- (b) When an accused pleads guilty to a charge, the plea shall be recorded and he may be convicted of it, and the court shall pass a sentence according to the law. The court thereon may choose not to exercise its judicial discretion to grant a "stay of execution of the sentence pending appeal."

Discuss.

(13 marks)

6. Answer ALL parts of this question

Thas has been charged with an offence of house trespass under section 448 of the Penal Code. He claimed trial at the Magistrates' Court in Kuala Lumpur. Since the offence is categorized as a bailable offence pursuant to the First Schedule to the Criminal Procedure Code (CPC), the learned Magistrate released Thas on bail with a cash security of RM6,000.00 as a condition of bail with one surety.

On the date of trial, both Thas and his surety cum bailor were not present in Court. Consequently, the Magistrate issued a warrant of arrest against Thas and has served a Notice to Show Cause against the bailor as to why the cash security ought not to be forfeited against the surety.

Thas was subsequently arrested and produced in Court. Mr. Rao, who appeared as the counsel for Thas, requested that he be released on bail, but the Magistrate refused. The Magistrate revoked the bail and forfeited the cash security deposited forthwith. Thas appealed to the High Court against both orders made by the learned Magistrate pursuant to section 394 of the CPC.

The High Court Judge who heard the appeal decided to reverse the order against Thas and released him on bail but made no order with regard to the cash security which has been forfeited.

Discuss the following:

(a) **Was the learned Magistrate correct when he revoked the bail against the accused person?**

(7 marks)

(b) **Was the learned Magistrate correct in ordering a forfeiture of the cash security?**

(8 marks)

- (c) **Was the learned High Court Judge correct in reversing the order made against the accused person by the Magistrate, thus releasing him on bail?**

(5 marks)

- (d) **Can the prosecution now appeal to the Court of Appeal against the reversed order of bail made by the learned High Court Judge?**

(5 marks)

7. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) Leo, a public servant, was charged at the Magistrate Court in Klang with an offence of criminal intimidation under section 503 of the Penal Code and punishable under section 506 of the Penal Code which carries a sentence of imprisonment for a term which may extend to two (2) years or with fine or with both. He claimed trial to the said charge. He was found guilty at the end of the trial, convicted and sentenced by the learned Magistrate. Being dissatisfied with the decision, he lodged an appeal to the High Court. After hearing the appeal, the learned High Court Judge affirmed the decision of the Magistrate, thus maintaining the conviction and sentence. Thereon, Leo, being aggrieved with the High Court decision, filed an appeal against the decision to the Court of Appeal.

Explain whether Leo can pursue his appeal to the Court of Appeal as a matter of right.

(10 marks)

- (b) **Upon hearing the appeal, what are the likely orders to be made by the Court of Appeal?**

(8 marks)

- (c) In Malaysia, an inquiry of death is carried out when there is a reason to suspect that a person has died in the following manners: sudden, unnatural, by violence, or cause of death unknown, and in situations where the law requires an inquiry.

Identify the circumstances when a full inquiry of death need not be held.

(7 marks)

oOOo



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN
BAGI
SIJIL AMALAN GUAMAN
PEPERIKSAAN BULAN JULAI 2024**

PROSEDUR JENAYAH

Jumaat, 2 Ogos 2024

Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi

Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari

-
- *KERTAS INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN, 'A' DAN 'B'.**
 - *ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN 1 (SATU) DALAM BAHAGIAN 'A' YANG WAJIB.**
 - *ANDA JUGA DIKEHENDAKI MENJAWAB TIGA (3) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN DALAM BAHAGIAN 'B'.**
 - *BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**
 - *KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG RELEVAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**
-

PERINGATAN:

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

(Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan yang dicetak pada 11 muka surat)

BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB**1. Calon MESTILAH menjawab soalan ini**

Pada 26.11.2023 pada lebih kurang pukul 1.00 pagi, Pengadu sedang tidur apabila dia telah dikejutkan oleh bunyi seperti seseorang membuka pintu gelangsar rumahnya. Pengadu, walau bagaimanapun, tidak mengendahkan bunyi itu dan tidur semula. Tidak lama kemudian, dia telah dikejutkan sekali lagi dan melihat seorang lelaki yang tidak dikenali berhampiran kakinya. Pengadu mengesyaki bahawa lelaki itu (Orang Yang Disyaki) telah memasuki rumahnya melalui pintu gelangsar. Bertindak secara spontan, Pengadu menyepak Orang Yang Disyaki yang menyebabkannya jatuh, yang membolehkan Pengadu menyambar Orang Yang Disyaki itu dan menahannya. Orang Yang Disyaki telah dikurung di dalam bilik Pengadu yang berkunci. Pengadu telah menghubungi polis, dan sejurus kemudian, polis tiba di rumah Pengadu. Orang Yang Disyaki telah dibawa oleh Sarjan Akbar ke balai polis. Sementara itu, Pengadu telah membuat laporan polis mengenai kejadian itu. Sarjan Faris, iaitu Pegawai Penyiasat (PP), telah diarahkan untuk menjalankan penyiasatan terhadap Orang Yang Disyaki bagi kesalahan di bawah seksyen 457 Kanun Keseksan (KK).

Menurut diari siasatan, sebaik selepas Orang Yang Disyaki itu diserahkan kepada PP, PP telah memulakan soal siasat permulaan terhadap Orang Yang Disyaki di bawah seksyen 457 KK. Diperhatikan bahawa pada masa itu Orang Yang Disyaki itu tidak dapat menjawab soalan-soalan PP. Pada lebih kurang pukul 3.30 pagi, Orang Yang Disyaki itu telah dibawa ke hospital untuk rawatan. Pada pukul 4.00 pagi, Orang Yang Disyaki itu telah ditahan di hospital bagi rawatan selanjutnya.

Pada lebih kurang pukul 9.00 pagi, bagi maksud permohonan di bawah seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ), seorang Majistret telah dibawa oleh polis ke ke sisi katil Orang Yang Disyaki yang tidak sedarkan diri selepas diberikan sedatif. Keadaan Orang Yang Disyaki itu telah disahkan oleh Dr. Siti. Semasa

prosiding di sisi katil hospital Orang Yang Disyaki itu, Majistret merekodkan bahawa suatu permohonan reman telah dibuat oleh PP dengan kehadiran Dr. Siti semasa Orang Yang Disyaki tidak sedarkan diri. Majistret telah menolak permohonan reman terhadap Orang Yang Disyaki itu.

Berdasarkan perkara di atas:

(a) **Jelaskan penangkapan Orang Yang Disyaki oleh Pengadu dan Sarjan Akbar.**

(7 markah)

(b) **Jelaskan prosedur untuk menyasat Orang Yang Disyaki bagi kesalahan yang dikatakan itu.**

(5 markah)

(c) **Kaji secara kritis keengganan Majistret untuk membenarkan reman terhadap Orang Yang Disyaki.**

(8 markah)

(d) **Bincangkan tindakan yang boleh diambil oleh polis selepas Majistret menolak permohonan reman terhadap Orang Yang Disyaki pada 26.11.2023 pada pukul 9.00 pagi.**

(5 markah)

BAHAGIAN B: JAWAB MANA-MANA TIGA (3) SOALAN

2. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

Ketua Inspektor Hassan (KI Hassan) sedang bertugas apabila dia menerima panggilan telefon daripada seorang awam yang memberinya maklumat mengenai aktiviti pengedaran ganja yang akan dijalankan oleh dua orang lelaki. Selepas suatu pertemuan ringkas antara KI Hassan dengan pemberi maklumat itu,

Konstabel Azizie telah diarahkan oleh KI Hassan untuk bertindak sebagai ejen pengintipan bagi pembelian ganja. Pada hari yang ditentukan, Konstabel Azizie telah diperkenalkan kepada Bob dan Beb di hadapan sebuah kedai oleh pemberi maklumat itu. Pemberi maklumat itu kemudiannya telah meninggalkan tempat itu. Konstabel Azizie kemudiannya berunding untuk membeli “3 kilo daun”. Konstabel Azizie telah menunjukkan wang yang ada padanya kepada Bob, yang kemudiannya bercakap dengan Beb. Bob kemudiannya berdiri dan meninggalkan restoran manakala Konstabel Azizie dan Beb menunggu Bob untuk kembali. Selepas lebih kurang 5 hingga 10 minit, Bob dilihat membawa suatu beg plastik yang berwarna putih di tangan kanannya. Konstabel Azizie kemudiannya memberi isyaratnya supaya KI Hassan muncul dengan anggota polis lain. KI Hassan telah memperkenalkan dirinya. Bob telah ditangkap bersama-sama beg plastik itu di tangannya. Beb, yang cuba untuk lari, telah ditangkap oleh anggota lain dari pasukan yang mengiringi KI Hassan. Beb telah dibawa ke tempat di mana KI Hassan telah menangkap Bob. Selepas memberikan amaran di bawah seksyen 37B Akta Dadah Berbahaya 1952, KI Hassan telah mengambil beg yang dipegang oleh Bob.

Bob dan Beb telah dipertuduh secara bersesama bagi pengedaran ganja di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Kes pendakwaan bergantung pada keterangan KI Hassan dan Konstabel Azizie. Pada akhir kes pendakwaan, peguam bela menghujahkan sekeras-kerasnya bahawa KI Hassan telah menerima maklumat daripada seseorang yang tidak diubah ke dalam bentuk bertulis olehnya. KI Hassan telah memberikan keterangan: “*Saya tidak pasti laporan maklumat perlu untuk membuat siasatan. Lazimnya tidak.*” Peguam bela juga berhujah bahawa beg yang mengandungi ganja itu tidak dijumpai di suatu tempat tetapi pada seseorang, dan pemeriksaan terhadap Bob dan Beb tidak menyebabkan apa-apa barang lain dijumpai. Peguam bela menghujahkan bahawa kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan sebagai keterangan suatu senarai pengeledahan telah menjejaskan kes pihak pendakwaan.

Berdasarkan perkara di atas:

- (a) **Kenal pasti sama ada maklumat yang diterima oleh KI Hassan daripada orang awam merupakan maklumat di bawah seksyen 107 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).**

(3 markah)

- (b) **Bezakan antara “maklumat” dengan “aduan” di bawah KTJ.**

(5 markah)

- (c) **Bincangkan sama ada kegagalan untuk mengubah ke dalam bentuk bertulis maklumat yang diterima oleh KI Hassan daripada orang awam itu ialah suatu peninggalan serius yang menjejaskan penyiasatan aktiviti pengedaran ganja itu.**

(5 markah)

- (d) **Jelaskan kuasa polis untuk menyita beg yang mengandungi ganja itu dan kaji sama ada kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan sebagai keterangan suatu senarai penggeledahan menjejaskan kes pihak pendakwaan.**

(12 markah)

3. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) “Perkara 145(3) PP memperuntukkan PN/PR dengan suatu budi bicara yang luas untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi suatu kesalahan jenayah. Kuasa budi bicara yang luas ini bermaksud PN/PR mempunyai budi bicara tunggal dan eksklusif yang hanya dia boleh menjalankan kuasa itu. Walau bagaimanapun, PN/PR tidak mempunyai budi bicara yang mutlak atau tidak terbatas di bawah perkara 145(3).”

- *Sundra Rajoo a/l Nadarajah lwn Menteri Luar Negeri, Malaysia & Ors* [2021] 5 MLJ 209, 247 menurut Tengku Maimun CJ.

Jelaskan perkataan “budi bicara” dalam petikan di atas merujuk kepada apa dan berikan justifikasi bahawa Peguam Negara (PN)/Pendakwa Raya (PR) tidak mempunyai budi bicara yang mutlak atau tidak terbatas dengan merujuk kepada kes yang berkaitan.

(13 markah)

- (b) **Peranan pendakwa dalam prosiding jenayah tidak termasuk apa-apa tanggapan mengenai kemenangan atau kekalahan; fungsinya merupakan suatu perkara kewajipan awam. Jelaskan.**

(12 markah)

4. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Pada 15 November 2018, Mawar telah dipertuduh di Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur dengan kesalahan-kesalahan rasuah (Kes-Kes Mawar) di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM). Pada hari yang sama, Kumbang telah dipertuduh di Mahkamah Sesyen yang berlainan di Kuala Lumpur bagi kesalahan-kesalahan rasuah (Kes-Kes Kumbang) di bawah ASPRM. Pada 9 Januari 2019, Kes-Kes Kumbang telah dipindahkan ke Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur bagi perbicaraan atas permohonan Kumbang, yang kemudiannya ditugaskan kepada Mahkamah Tinggi 2. Pada 18 Februari 2019, pihak pendakwaan secara lisan telah memaklumkan Hakim Mahkamah Tinggi 2 yang bijaksana mengenai niatnya untuk memohon suatu perbicaraan bersama bagi Kes-Kes Mawar dan Kes-Kes Kumbang. Kes-Kes Mawar pada masa itu sedang menunggu permohonan bagi pemindahan ke Mahkamah Tinggi. Pada 15 Mac 2019,

Kes-Kes Mawar telah diperintahkan untuk dipindahkan dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur bagi perbicaraan atas permohonan oleh pihak pendakwaan di bawah seksyen 417(1)(e) dan (1)(cc) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Selepas itu, Kes-Kes Mawar telah ditugaskan kepada Mahkamah Tinggi 1. Pihak pendakwaan memohon kepada Hakim Mahkamah Tinggi 1 yang bijaksana supaya Kes-Kes Mawar dipindahkan ke Mahkamah Tinggi 2 sebagaimana yang telah dimaklumkan kepada Hakim Mahkamah Tinggi 2 yang bijaksana pada 18 Februari 2019. Peguam bela bagi Kes-Kes Mawar membantah permohonan itu dengan menghujahkan bahawa Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (AMK) tidak memberikan bidang kuasa atau kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk membuat pemindahan satu pihak ke Mahkamah Tinggi lain dan bahawa AMK tidak memperuntukkan perkara ini. Peguam bela yang bijaksana menghujahkan bahawa kuasa untuk memindahkan kes dari satu Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Tinggi lain hanya terletak pada Hakim Besar Malaya (HBM) di bawah AMK.

Berdasarkan perkara di atas:

(i) **Bagaimanakah anda membuat keputusan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi 1 yang bijaksana?**

(10 markah)

(ii) **Bolehkah Mawar menjadi pemohon bagi pemindahan kes-kesnya ke Mahkamah Tinggi, dan jika ya, bagaimanakah dia akan meneruskan pemfailan bagi permohonan itu?**

(5 markah)

(b) **Bezakan antara persidangan sebelum bicara dengan pengurusan kes.**

(10 markah)

5. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Bad telah dipertuduh di hadapan Mahkamah Majistret di Telok Intan kerana mencuri 22 gulung permaidani vinil pada 17 September 2023. Apabila pertuduhan dibacakan, Bad mengaku tidak bersalah dan memohon untuk dibicarakan. Pada akhir kes pendakwaan, Timbalan Pendakwa Raya memohon kepada Mahkamah untuk meminda pertuduhan yang menyatakan 27 gulung permaidani vinil dan bukannya 22 gulung sebagaimana yang terdapat dalam pertuduhan asal. Peguam yang mewakili Bad membantah permohonan itu dengan menyatakan Mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk meminda pertuduhan pada akhir kes pendakwaan. Selepas mendengar hujah daripada kedua-dua pihak, Majistret menangguhkan kes ke suatu tarikh lain untuk membuat keputusan mengenai permohonan bagi pindaan itu.

Berikan nasihat kepada Majistret sama ada dia sepatutnya membenarkan permohonan untuk meminda pertuduhan itu.

(12 markah)

- (b) Apabila seseorang tertuduh mengaku bersalah kepada suatu pertuduhan, pengakuan itu hendaklah direkodkan dan dia boleh disabitkan atasnya, dan mahkamah hendaklah menjatuhkan suatu hukuman mengikut undang-undang. Mahkamah yang berkenaan boleh memilih untuk tidak menjalankan budi bicara kehakimannya untuk memberikan “penggantungan pelaksanaan hukuman sementara menunggu rayuan.”

Bincangkan.

(13 markah)

6. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

Thas telah dipertuduh dengan kesalahan pencerobohan rumah di bawah seksyen 448 Kanun Keseksaan. Dia memohon untuk dibicarakan di Mahkamah Majistret di Kuala Lumpur. Memandangkan kesalahan itu dikategorikan sebagai kesalahan boleh jamin menurut Jadual Pertama kepada Kanun Tatacara Jenayah (KTJ), Majistret yang bijaksana telah melepaskan Thas atas jaminan dengan jaminan wang tunai sebanyak RM6,000.00 sebagai syarat jaminan dengan seorang penjamin.

Pada tarikh perbicaraan, kedua-dua Thas dan penjaminnya merangkap bailor tidak hadir di Mahkamah. Oleh itu, Majistret telah mengeluarkan waran tangkap terhadap Thas dan telah menyampaikan Notis Tunjuk Sebab terhadap bailor bagi menjelaskan kenapa jaminan wang tunai itu tidak patut dilucut hak terhadap penjamin itu.

Thas kemudiannya ditangkap dan dibawa ke Mahkamah. Encik Rao, yang hadir sebagai peguam bagi Thas, meminta agar dia dilepaskan atas jaminan, tetapi Majistret menolak permintaan itu. Majistret telah membatalkan jaminan dan melucut hak jaminan wang tunai yang didepositkan dengan serta-merta. Thas telah merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap kedua-dua perintah yang dibuat oleh Majistret yang bijaksana menurut seksyen 394 KTJ.

Hakim Mahkamah Tinggi yang mendengar rayuan itu memutuskan untuk mengakas perintah terhadap Thas dan melepaskannya atas jaminan tetapi tidak membuat perintah berkenaan dengan jaminan wang tunai yang telah dilucut hak.

Bincangkan yang berikut:

- (a) **Adakah Majistret yang bijaksana itu betul apabila dia membatalkan jaminan terhadap orang tertuduh?**

(7 markah)

(b) Adakah Majistret yang bijaksana itu betul dalam memerintahkan pelucuthakan jaminan wang tunai itu?

(8 markah)

(c) Adakah Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana itu betul dalam mengakas perintah yang dibuat terhadap orang tertuduh oleh Majistret, yang dengan itu melepaskannya atas jaminan?

(5 markah)

(d) Sekarang bolehkah pihak pendakwaan merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap perintah jaminan yang diakas yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana?

(5 markah)

7. **Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

(a) Leo, seorang pekhidmat awam, telah dipertuduh di Mahkamah Majistret di Klang dengan kesalahan ugutan jenayah di bawah seksyen 503 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen 506 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua (2) tahun atau denda atau kedua-duanya. Dia memohon untuk dibicarakan terhadap pertuduhan itu. Dia telah didapati bersalah pada akhir perbicaraan, disabitkan dan dihukum oleh Majistret yang bijaksana. Tidak berpuas hati dengan keputusan itu, dia memfailkan rayuan kepada Mahkamah Tinggi. Selepas mendengar rayuan, Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana mengesahkan keputusan Majistret, yang dengan itu mengekalkan sabitan dan hukuman. Selepas itu, Leo, yang terkilan dengan keputusan Mahkamah Tinggi, telah memfailkan rayuan terhadap keputusan itu ke Mahkamah Rayuan.

Jelaskan sama ada Leo boleh meneruskan rayuannya ke Mahkamah Rayuan sebagai suatu hak.

(10 markah)

(b) Apabila rayuan itu didengar, apakah perintah yang mungkin dibuat oleh Mahkamah Rayuan?

(8 markah)

(c) Di Malaysia, suatu siasatan kematian dijalankan apabila terdapat sebab untuk mengesyaki bahawa seseorang telah meninggal dunia dengan cara yang berikut: mengejut, luar biasa, disebabkan oleh keganasan, atau sebab kematian tidak diketahui, dan dalam situasi yang undang-undang menghendaki suatu siasatan.

Kenal pasti hal keadaan apabila siasatan kematian menyeluruh tidak perlu diadakan.

(7 markah)

oOOo